

PENGUNAAN TANAH LIAT PELBAGAI WARNADALAM MENULIS SUKU KATA TERBUKA JAWI

Oleh

Z Aidan Bin Isa
jd an_ esha@ yahoo. com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan "tanah liat pelbagai warna" dalam membantu tiga orang murid Tahun Empat menguasai penulisan suku kata terbuka jawi. Instrumen pengumpulan data yang digunakan ialah ujian, temu bual dan pemerhatian. Data kajian ini dianalisis melalui ujian pra dan pasca, analisis pola dan nota lapangan. Analisis data mendapati ketiga-tiga orang murid Tahun 4 tersebut menunjukkan penguasaan dalam penulisan suku kata terbuka jawi selepas penggunaan tanah liat pelbagai warna. Kaedah ini juga meningkatkan amalan sendiri saya sebagai guru Pendidikan Islam.

Kata kunci: Tanah liat pelbagai warna, murid Tahun Empat, penulisan suku kata terbuka jawi.

ABSTRACT

This action research was conducted to investigate the effect of the use of "multi-colored clay" in helping three students master writing Year Four open syllables autobiographical (Jawi script). Data collection instrument used was a test, interview and observation. Data were analyzed by means of pre-and post-test, pattern analysis and field notes. Data analysis found three Year 4 students showed proficiency in open syllables autobiographical (Jawi script) writing after the use of "multi-colored clay". This method also improved my self practice as a teacher of Islamic education.

Keywords: Multi-colored clay, Year Four students, open syllables autobiographical (Jawi script).

PENGENALAN

Konteks

Praktikum fasa 3 dijalankan dalam tempoh selama tiga bulan bermula 30 Januari 2012 sehingga 27 April 2012. Praktikum fasa 3 ini menekankan kepada major kami iaitu Pendidikan Islam dan satu elektif iaitu Pendidikan Al-Quran. Pendidikan Islam terbahagi kepada 3 bidang utama iaitu Asuhan Tilawah Al-Quran, Ulum Syariah dan Pelajaran Jawi. Asuhan Tilawah Al-Quran pula dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Ayat Bacaan, Ayat Hafazan dan Ayat Kefahaman manakala bidang Ulum Syariah pula dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Ibadah, Akidah, Sirah dan Akhlak Islamiah.

Sepanjang menjalani praktikum selama 3 bulan di sekolah tersebut, saya telah diamanahkan untuk mengajar tahun 4 bagi subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Al-Quran. Sekolah berkenaan menyediakan 5 jenis aliran kelas bagi setiap tahun iaitu bermula dengan kelas teratas Bestari diikuti Cemerlang, Arif, Dedikasi dan Inovatif.

Refleksi Pengalaman Pengajaran Dan Pembelajaran

Abdullah Jusoh (1990) menyatakan bahawa Pendidikan Islam melatih perasaan halus pelajar supaya sikap, tindakan dan keputusan mereka ditadbir oleh nilai-nilai kerohanian dan etika Islam. Wan Zahid Wan Nordin (1994) menyatakan bahawa dalam konteks dunia moden pada hari ini, Pendidikan Islam amat penting untuk memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada nilai etika dan kerohanian.

Setelah tiga minggu menjalankan pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut, saya mula dapati murid mempunyai kesukaran dalam menulis suku kata terbuka jawi. Kesukaran untuk menulis suku kata terbuka jawi ini tidak hanya berlaku kepada kelas bawahan sahaja seperti 4 Inovatif, malahan masalah ini juga berlaku kepada kelas atasan iaitu 4 Bestari. Keadaan lebih mengejutkan saya apabila ramai dalam kalangan mereka lemah dalam menulis suku kata terbuka jawi tersebut. Sepatutnya, masalah seperti ini tidak wujud dalam kelas atasan seperti 4 Bestari dan kalau adapun bilangannya tidak ramai. Akan tetapi, keadaan tidak seperti saya sangkakan kerana ramai murid dalam kelas 4 Bestari ini masih lagi lemah dalam menulis suku kata terbuka jawi.

Pada awal semester ini, pengajaran dan pembelajaran Jawi lebih berfokus kepada penguasaan tanda baca dalam kalangan murid. Aspek yang terkandung dalam tajuk tanda baca tersebut ialah simbol tanda baca, fungsi tanda baca dan penggunaan tanda baca dalam ayat ringkas dan kompleks. Tanda baca-tanda baca yang terkandung dalam sukatan pelajaran tahun 4 ialah noktah, koma, tanda soal, tanda seru, noktah bertindih dan tanda petik atau tanda pengikat kata. Memandangkan praktikum fasa tiga ini berlangsung pada semester pertama pembelajaran, maka masa yang diperuntukkan untuk Jawi adalah satu jam (2 x 30 minit) seminggu.

Setelah beberapa kali mengajar bidang Jawi dalam kelas tahun 4 tersebut, saya mula perhatikan kelemahan murid dalam bidang Jawi iaitu apabila guru melakukan pengukuhan terhadap murid dengan menyuruh murid membuat lembaran kerja berkaitan apa yang telah diajar oleh guru, murid lambat untuk menyiapkan lembaran kerja sehingga tamat waktu pengajaran dan pembelajaran. Apabila saya bertanya kepada murid tersebut boleh atau tidak menulis Jawi murid hanya menggelengkan kepala dan saya mula faham apa yang dimaksudkan dengan tindak balas tersebut.

Bermula dari situlah, saya mula mencari maklumat berkaitan kelas tersebut dengan bertanya dan melakukan perbincangan bersama dengan guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam untuk kelas tersebut. Hasil daripada perbincangan yang telah kami lakukan ternyata apa yang saya perhatikan dalam kelas tersebut sama seperti apa yang telah dikatakan oleh guru berkenaan iaitu masih ramai lagi murid yang lemah dalam menulis suku kata terbuka jawi dan keadaan ini saya fikir perlu

diambil tindakan segera kerana dibimbangi kelak apabila mereka telah tamat tahun 6 dan masuk melangkah ke tingkatan 1 tetapi masih lagi belum boleh menulis Jawi dengan baik adalah satu masalah yang lebih besar akan mereka hadapi kemudian. Hal ini kerana perkara asas dalam pengajaran dan pembelajaran masih belum mereka kuasai dengan baik dan inikan pula untuk menguasai perkara yang lebih kompleks daripada itu.

Fokus Kajian

Kajian ini telah memberikan penumpuan kepada penguasaan kemahiran menulis suku kata terbuka jawi dalam kalangan murid tahun 4. Isu ini saya bangkitkan kerana saya berpendapat kemahiran ini utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah menulis suku kata terbuka jawi ini secara majoritinya berlaku kepada semua kelas tahun 4 yang saya ajar lebih-lebih lagi kepada kelas bawahan seperti 4 Inovatif. Kesukaran menulis suku kata terbuka jawi ini mula saya kesan setelah beberapa kali saya melakukan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tersebut. Isu lemah menulis suku kata terbuka jawi ini lebih ketara apabila guru melakukan pengukuhan terhadap murid dengan menyuruh murid menyiapkan lembaran kerja berkaitan isi pembelajaran yang telah dipelajari. Hasilnya, murid mula memandang ke kiri dan ke kanan, menggaru-garu kepala dan bermacam lagi respon yang mereka berikan terhadap guru apabila guru menyuruh mereka membuat lembaran kerja yang telah diberikan.

Isu ini mula menjadi halangan kepada saya untuk melancarkan sesi pengajaran dan pembelajaran Jawi di dalam kelas. Oleh yang demikian, saya telah memikirkan satu alternatif di mana alternatif ini sedikit sebanyak boleh membantu murid menulis suku kata terbuka jawi dengan lebih baik semasa mereka mengikuti pembelajaran jawi pada sesi yang akan datang. Alternatif yang saya maksudkan ialah penggunaan tanah liat yang pelbagai warna dalam menulis suku kata terbuka jawi. Huraian berkaitan alternatif ini telah saya perincikan dalam bab yang seterusnya.

Objektif Kajian

Secara am dan khusus, objektif kajian tindakan ini adalah seperti berikut.

Objektif Am

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu murid menulis suku kata terbuka Jawi dengan menggunakan huruf vokal Jawi (ي, و, ا) dengan betul.

Objektif Khusus

Mengenal pasti tahap penguasaan penulisan suku kata terbuka Jawi menggunakan huruf vokal Jawi (ي, و, ا) dengan menggunakan rangsangan warna daripada penggunaan tanah liat.

Mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penggunaan tanah liat pelbagai warna dalam penulisan suku kata terbuka jawi.

Persoalan Kajian

Adakah penggunaan tanah liat pelbagai warna membantu murid dalam menulis suku kata terbuka jawi dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

Bagaimanakah penggunaan tanah liat pelbagai warna mampu membantu peningkatan penulisan suku kata terbuka jawi?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Perkembangan dalam ilmu pendidikan khususnya dalam bidang pedagogi dan psikologi telah menyebabkan berlakunya satu anjakan paradigma dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Santrock (2008), apa yang penting dalam pengajaran di bilik darjah atau kuliah adalah memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan bakat dan kecerdasan mereka dalam proses pembelajaran. Justeru, satu pendekatan yang memberi keutamaan kepada peranan pelajar dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran telah dicadangkan. Strategi ini ialah pembelajaran berpusatkan pelajar. Dalam strategi ini, pelajar diberi peluang melibatkan diri secara aktif dalam setiap sesi pembelajaran dibantu oleh pengajar yang berperanan sebagai fasilitator (Shahabuddin Hashim et al, 2003). Corak komunikasi yang digunakan adalah bercirikan interaksi pelbagai arah iaitu antara pengajar dengan pelajar, dan pelajar dengan pelajar. Dalam pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, pensyarah yang berperanan sebagai fasilitator harus dapat menggunakan kedua-dua corak komunikasi ini sebagai asas dalam merancang aktiviti pengajaran pembelajaran.

Pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan suatu istilah yang luas digunakan pada masa kini bagi menghuraikan dan memahami proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam dan di luar kelas. Pendekatan pembelajaran ini menekankan penglibatan aktif pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Shuell, 1986). Menurut Meyers dan Jones (1993), pembelajaran berpusatkan pelajar yang dapat dijalankan dengan baik akan memberikan kesan terhadap peningkatan dalam motivasi untuk belajar, penguasaan isi pelajaran yang lebih mendalam dan bermakna, serta sikap yang lebih positif terhadap mata pelajaran atau kursus yang diikuti.

Melalui pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar, pelajar akan lebih bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam menguasai pelajaran mereka. Pelajar mempunyai peranan yang penting dalam merancang pembelajaran, membuat kajian mendalam, menilai hasil kerja, serta berinteraksi dengan pengajar, pelajar dan sumber maklumat lain dalam proses pembelajaran mereka. Dalam hal ini, pensyarah hanya berperanan sebagai mentor atau fasilitator dalam proses pembelajaran tersebut. Justeru, suasana pembelajaran sebegini akan dapat membentuk peribadi pelajar yang bermotivasi tinggi, sentiasa mempunyai naluri ingin tahu yang tinggi, berupaya mengurus masa dengan bijak, serta mahir dalam mencari maklumat. Justeru, pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan strategi pengajaran pembelajaran yang paling sesuai dan berkesan untuk memupuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

Pelaksanaan Tindakan

Dalam penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan tanah liat yang pelbagai warna dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Bagi mendapatkan data kajian mengenai masalah yang saya kaji, saya telah menyediakan satu set soalan untuk peserta kajian saya jawab. Saya telah memilih aras soalan yang mudah dengan membuat soalan berkaitan suku kata terbuka yang mempunyai dua suku kata sahaja. Formula untuk suku kata tersebut boleh diringkaskan sebagai KV+KV. Contohnya ialah seperti perkataan BA+HU=BAHU.

Alternatif yang saya gunakan untuk membantu peserta kajian yang lemah dalam penulisan suku kata terbuka jawi tersebut ialah dengan menggunakan tanah liat pelbagai warna. Saya telah membahagikan warna tersebut kepada dua pecahan huruf iaitu huruf vokal jawi dan huruf konsonan jawi. Jadual 3.1 menunjukkan pembahagian warna tersebut.

Jadual 3.1 Jenis Huruf dan Warna.

Bil.	Jenis Huruf	Warna
1.	Alif (ا)	Hijau
2.	Wau (و)	Biru
3.	Ya (ي)	Kuning
4.	Konsonan	Kelabu

METODOLOGI

Peserta Kajian

Saya telah memilih 3 orang peserta kajian dalam penyelidikan tindakan ini. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan kepada tahap penguasaan yang lemah dalam kemahiran menulis suku kata terbuka jawi. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan peserta-peserta kajian yang telah saya pilih.

Jadual 3.2 Ciri-Ciri Peserta Kajian

Nama Peserta	Keterangan Peserta Kajian
Peserta A	Seorang murid lelaki dan agak nakal. Peserta kajian ini mempunyai masalah dan selalu keliru dalam penggunaan vokal jawi. Selain itu, peserta kajian ini juga mempunyai masalah dalam menyambung huruf.
Peserta B	Seorang murid perempuan dan pendiam. Peserta ini agak kurang aktif di dalam kelas mungkin kerana malu bersosial dengan kawan sekelas. Peserta ini juga mempunyai masalah dalam penggunaan vokal jawi dalam suku kata dan mempunyai masalah dalam menyambung huruf.

Peserta C	Seorang murid perempuan dan sederhana dalam tingkah laku. Peserta ini boleh menyelesaikan soalan dengan cepat tetapi selalu gopoh. Oleh itu, penulisan suku kata terbuka jawi selalu tidak cukup huruf. Masalah lain yang dihadapi oleh peserta ini ialah lemah dalam menyambung huruf hijaiyah.
------------------	--

Teknik Mengumpul Data

Ujian

Menurut Cronbach (1970), ujian ialah satu prosedur yang sistematik untuk memerhati perlakuan atau tingkah laku seseorang individu dan menghuraikan dengan bantuan skala bernombor, atau satu sistem yang berkategori. Secara ringkas, pengujian ialah satu prosedur yang sistematik bagi mengukur perubahan tingkah laku murid. Tujuannya adalah untuk menentukan pencapaian murid dalam sesuatu pembelajaran. Ujian boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk antaranya pemerhatian, ujian lisan mahupun ujian bertulis.

Terdapat dua jenis ujian iaitu Ujian Pra dan Ujian Pos. Ujian digunakan untuk membandingkan prestasi murid sebelum dan selepas sesuatu rawatan atau program intervensi dijalankan. Jika keputusan Ujian Pos menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding Ujian Pra, maka objektif kajian tercapai. Kedua-dua set soalan Ujian Pra dan Ujian Pos mestilah sama ataupun setara untuk membolehkan perbandingan dibuat. Suasana peperiksaan kedua-dua ujian juga mesti tidak jauh berbeza. Keputusan yang diperolehi daripada ujian boleh menjadi satu indikator yang baik tentang pencapaian atau penguasaan terhadap sesuatu kemahiran atau pengetahuan yang telah diajar kepada murid.

Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga muka surat 43.

Saya telah melakukan ujian terhadap peserta-peserta kajian saya. Soalan ujian berdasarkan kepada fokus masalah pembelajaran mereka iaitu lemah dalam menulis suku kata terbuka jawi. Soalan ujian itu juga mengikut tahap pemikiran peserta kajian.

Temu Bual

Kitwood (1977) dalam Mok Soon Sang (2008) merumuskan bahawa temu bual merupakan satu pertemuan sosial bukan sahaja sesuatu bidang yang digunakan untuk pertukaran maklumat semata-mata tetapi juga satu pertemuan di antara penemuramah dan orang yang ditemuramah.

Melalui temu bual ini, saya dapat memperoleh maklumat berkaitan dengan peserta kajian dengan lebih terperinci dan menyeluruh. Selain itu, keberkesanan kajian yang saya lakukan turut dapat dinilai dengan memperoleh secara langsung melalui aktiviti temu bual yang dijalankan. Melalui kaedah ini juga, ia dapat membantu saya mengetahui respon murid terhadap penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut secara terus dengan mereka. Adakah murid-murid saya suka menggunakan cara ini semasa belajar Jawi atau sebaliknya.

Pemerhatian

*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

Menurut Merriam (2002), pemerhatian adalah cara terbaik untuk mengumpul data asal. Pemerhatian boleh dilakukan melalui tiga cara iaitu pemerhatian tidak turut serta, pemerhatian separa turut serta dan pemerhatian turut serta. Ketiga-tiga jenis pemerhatian ini melibatkan pengkaji berada di persekitaran yang membenarkan peserta atau responden yang diperhatikan bertingkah laku secara semulajadi. Kaedah pemerhatian berasal dari kajian ethnografik yang bertujuan untuk mempelajari perspektif populasi yang dikaji dalam konteks peserta sendiri.

Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian turut serta dalam menjalankan kajian tindakan ini. Seorang pemerhati yang berada di tempat peristiwa berlaku boleh melihat tingkah laku sebagaimana ia benar-benar berlaku dan mencatatkan yang menonjol bagi setiap tingkah laku subjek yang diperhatikan. Menurut Mohd. Majid (2000), walaupun penyelidik mengikuti tingkah laku subjek, pengkaji tidak mempengaruhi subjek ke arah tingkah laku tertentu. Dengan penghayatan tersebut, pengkaji mempunyai persepsi yang mengenai maklumat yang dikumpul.

Saya telah memerhatikan setiap perubahan tingkah laku peserta A, peserta B dan peserta C semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bidang jawi berlangsung. Aspek yang diperhatikan ialah perubahan tingkah laku peserta kajian apabila saya menggunakan tanah liat pelbagai warna tersebut di dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Setiap perubahan tingkah laku ini telah saya catat dalam nota lapangan.

Teknik Menganalisis Data

Ujian

Ujian dijalankan bagi memperoleh dan menilai masalah yang dihadapi oleh murid. Melalui ujian yang dijalankan, cara ini memudahkan saya untuk menilai serta mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi oleh peserta kajian yang dikaji.

Ujian Pra dan Pasca

Ujian pra ini diadakan bagi mengenal pasti murid yang bermasalah dalam aspek yang dikaji iaitu lemah dalam penulisan suku kata terbuka jawi serta melihat sejauh mana permasalahan berkaitan dengan fokus kajian dan kewujudan fokus kajian. Ujian pra ini dijalankan dengan guru menyediakan satu set soalan ujian yang berkaitan dengan suku kata terbuka jawi. Selepas peserta kajian menjawab soalan ujian pra guru akan memberikan soalan ujian pasca sebagai langkah untuk menguji kefahaman mereka tentang penulisan suku kata terbuka jawi. Soalan ujian pra dan pasca mestilah sama supaya tahap pemikiran peserta kajian dapat dinilai dengan baik. Ujian pasca dilakukan selepas guru menjalankan alternatif bagi membantu peserta kajian yang lemah dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Soalan ujian pra dan pasca telah saya lampirkan di Lampiran 1.

Temu Bual

Saya telah menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpul maklumat yang diperlukan. Temu bual adalah satu proses interaksi secara lisan yang berlaku antara penemu bual atau penemuduga bersama peserta kajian. Temu bual bertujuan memberikan penemu bual peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan peserta kajian. Peserta kajian dapat memberikan jawapan secara langsung,

penjelasan secara langsung diperolehi dan jawapan bukan bersifat andaian atau tafsiran semata-mata.

Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal, dan temu bual terbuka. Fontana dan Frey (1994), Merriem (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Beberapa aspek penting dalam penyediaan item temu bual ialah menentukan jenis temu bual dalam kajian, rancangan temu bual, stail, kandungan dan susunan soalan temu bual, ciri-ciri soalan temu bual yang baik, laras bahasa dalam temu bual, penyusunan soalan temu bual dan tempoh sesi temu bual (Chua, 2006). Saya telah mengambil perhatian setiap aspek di atas ketika menyediakan item temu bual. Tujuannya ialah untuk menghasilkan satu set item yang boleh digunakan secara optimum untuk menjawab persoalan kajian.

Semasa sesi temu bual, saya telah menjalankan pendekatan temu bual individu. Semasa temu bual individu, saya berjumpa secara bersemuka dengan peserta A, peserta B dan peserta C secara individu dan berinteraksi secara lisan. Maklumat yang diberikan oleh peserta kajian adalah berfokus kepada soalan yang diajukan.

Saya telah mencatat setiap butiran dialog yang berlaku antara saya dengan peserta A, peserta B dan peserta C sepanjang tempoh temu bual berlaku. Rajah 3.1 merupakan contoh transkrip temu bual saya dengan salah seorang peserta kajian.

<p>Saya : Awak rasa seronok tak bila saya gunakan tanah liat pelbagai warna untuk mengajar awak menulis suku kata terbuka jawi?</p> <p>Peserta C : Seronok..boleh main dengan tanah liat..(tersipu malu)</p> <p>Saya : Senang tak faham suku kata terbuka bila ustaz gunakan tanah liat pelbagai warna?</p> <p>Peserta C : Senang ustaz.</p>
--

Rajah 3.1 Transkrip temu bual antara saya dan peserta C pada 26 Jun 2012.

Pemerhatian

Menurut Lim Keat Heng, pemerhatian adalah salah satu daripada cara pungutan data yang popular dilaksanakan oleh penyelidik kajian tindakan. Pemerhatian adalah pengamatan secara sistematik mengenai sesuatu peristiwa atau tingkahlaku yang dikaji, contohnya pemerhatian bilik darjah (classroom observation).

Melalui kaedah ini, saya dapat membuat pemerhatian awal dan mengenal pasti kelemahan sampel. Kaedah ini dilakukan pada awal kajian dan pemerhatian melibatkan satu sesi kajian awal dan pemerhatian dilakukan sewaktu penggunaan kaedah yang dirancang. Fokus utama pemerhatian saya adalah semasa proses pengajaran yang dilakukan oleh guru. Item-item pemerhatian yang telah dirancang akan membantu saya mengesan keberkesanan cara ini kepada murid-murid.

Cara pemerhatian telah saya aplikasikan dalam nota lapangan. Contoh bagi catatan nota lapangan boleh dilihat pada rajah 3.2 di bawah.

<p>Minggu : 2</p> <p>Tarikh : 3 Julai 2012 (Selasa)</p> <p>Masa : 0830-0930</p> <p>Aktiviti : Penggunaan Tanah Liat Pelbagai Warna Dalam Menulis Suku Kata Terbuka Jawi.</p> <p>Kehadiran : 3 orang</p> <p>Saya memperkenalkan penggunaan tanah liat pelbagai warna kepada murid untuk menulis suku kata terbuka jawi. Semasa penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut, saya dapat perhatikan murid-murid membuat aktiviti dengan gembira dan kelihatan di muka mereka perasaan seronok bermain dengan tanah liat tersebut sambil belajar menggunakannya. Setelah aktiviti tersebut selesai, saya menyemak jawapan mereka dan ternyata mereka boleh mengaplikasikan tanah liat pelbagai warna tersebut di dalam penulisan suku kata terbuka jawi.</p>

Rajah 3.2 Catatan nota lapangan pada 3 Julai 2012.

Teknik Menyemak Data

Data kajian yang telah dikumpul perlu disemak untuk memastikan kesahan data kajian. Setelah menjalani pengumpulan data melalui pemerhatian, temu bual dan ujian peserta kajian menunjukkan peningkatan prestasi dalam menulis suku kata terbuka jawi hasil penggunaan tanah liat pelbagai warna yang telah saya gunakan.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Adakah penggunaan tanah liat pelbagai warna membantu murid dalam menulis suku kata terbuka jawi dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

Ya, secara keseluruhan penggunaan tanah liat pelbagai warna memang membantu murid dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah saya perolehi, murid-murid menunjukkan peningkatan prestasi dalam penulisan suku kata terbuka jawi tersebut. Dalam menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan tiga instrumen pengumpulan data yang mana ketiga-ketiga instrumen pengumpulan data ini menunjukkan bahawa penggunaan tanah liat pelbagai warna memang membantu murid dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Oleh itu, setiap instrumen yang telah dijalankan akan dijelaskan di dalam bab ini yang mana setiap instrumen akan disertakan sekali dengan dapatan kajian.

Ujian Pra dan Pasca.

Saya telah menjalankan ujian pra dan pasca terhadap peserta kajian bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap masalah yang saya kaji. Jadual 4.1 merupakan hasil dapatan kajian yang telah saya perolehi daripada ujian pra dan pasca tersebut.

Merujuk kepada jadual 4.1, dapat diperhatikan bahawa terdapat peningkatan prestasi yang jelas ditunjukkan oleh peserta-peserta kajian. Ini menunjukkan bahawa penggunaan tanah liat pelbagai warna dalam penulisan suku kata terbuka jawi tersebut memang membantu mereka dalam menangani masalah pembelajaran mereka. Jika sebelum penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut mereka banyak melakukan kesalahan dalam penulisan suku kata terbuka jawi, tetapi selepas penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut diaplikasikan di dalam penulisan suku kata terbuka jawi peserta-peserta kajian menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan berjaya menjawab semua soalan tersebut dengan baik tanpa ada melakukan kesalahan penggunaan vokal dalam penulisan suku kata terbuka jawi tersebut.

Jadual 4.1 Markah Ujian Pra dan Pasca.

Bil.	Nama Peserta Kajian	Ujian Pra	Ujian Pasca
1.	Peserta A	4/9	9/9
2.	Peserta B	4/9	9/9
3.	Peserta C	5/9	9/9

Temu Bual.

Instrumen pengumpulan data yang kedua saya gunakan ialah temu bual. Temu bual ini telah saya lakukan terhadap semua peserta kajian. Hasil dapatan kajian melalui temu bual ini menunjukkan bahawa semua peserta kajian memberikan respon yang positif terhadap penggunaan tanah liat pelbagai warna yang telah saya lakukan. Transkrip temu bual di bawah menunjukkan dapatan kajian yang telah saya perolehi daripada peserta kajian.

Saya : Awak rasa seronok tak bila saya gunakan tanah liat pelbagai warna untuk mengajar awak menulis suku kata terbuka jawi?

Peserta A : Seronok ustaz. Kita boleh main-main dengan tanah liat. *(tersengih)*

Saya : Senang tak faham suku kata terbuka bila ustaz gunakan tanah liat pelbagai warna?

Peserta A : Senang ustaz.

(Transkrip temu bual antara saya dan peserta A pada 26 Jun 2012)

Berdasarkan kepada transkrip temu bual di atas, dapat saya rumuskan bahawa penggunaan tanah liat pelbagai warna menarik minat murid untuk belajar. Hal ini dibuktikan oleh peserta-peserta kajian yang mana apabila saya menanyakan tentang kesan penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut kepada mereka, mereka tanpa bertangguh terus menjawab 'ya' kepada saya. Selain itu, prestasi mereka juga meningkat setelah saya perkenalkan tanah liat pelbagai warna ini

kepada mereka dalam usaha untuk membantu mereka supaya mereka lebih mudah faham tentang gaya penulisan suku kata terbuka jawi.

Pemerhatian. (Nota Lapangan)

Saya juga menggunakan pemerhatian untuk mendapatkan data kajian saya. Pemerhatian ini telah saya rekodkan di dalam nota lapangan. Nota lapangan ini telah saya lakukan terhadap semua peserta kajian saya. Sama seperti instrumen pengumpulan data yang terdahulu, nota lapangan yang saya lakukan terhadap peserta kajian juga menunjukkan kesan yang positif dalam penggunaan tanah liat pelbagai warna bagi penulisan suku kata terbuka jawi. Nota lapangan di bawah menunjukkan dapatan kajian yang telah saya perolehi daripada peserta kajian penyelidikan tindakan saya.

Minggu : 2

Tarikh : 3 Julai 2012 (Selasa)

Masa : 0830-0930

Aktiviti : Penggunaan Tanah Liat Pelbagai Warna Dalam Menulis Suku Kata Terbuka Jawi.

Kehadiran : 3 orang

Saya memperkenalkan penggunaan tanah liat pelbagai warna kepada murid untuk menulis suku kata terbuka jawi. Semasa penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut, saya dapat perhatikan murid-murid membuat aktiviti dengan gembira dan kelihatan di muka mereka perasaan seronok bermain dengan tanah liat tersebut sambil belajar menggunakannya. Setelah aktiviti tersebut selesai, saya menyemak jawapan mereka dan ternyata mereka boleh mengaplikasikan tanah liat pelbagai warna tersebut di dalam penulisan suku kata terbuka jawi.

(Catatan nota lapangan pada 3 Julai 2012)

Berdasarkan kepada catatan nota lapangan di atas, dapat diperhatikan bahawa penggunaan tanah liat pelbagai warna memberi kesan positif kepada peserta kajian dalam meningkatkan prestasi mereka di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, dengan adanya penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut minat murid dalam mata pelajaran Jawi dapat disegarkan kembali dengan aplikasi kemahiran mengajar yang pelbagai. Hal ini merujuk kepada mimik muka murid apabila saya menggunakan tanah liat di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Kelihatan mereka gembira dan seronok bermain dengan tanah liat selain dapat belajar menggunakan tanah liat untuk menulis suku kata terbuka jawi.

Bagaimanakah penggunaan tanah liat pelbagai warna mampu membantu peningkatan penulisan suku kata terbuka jawi?

Dalam membantu murid menangani masalah lemah dalam penulisan suku kata terbuka jawi, saya telah menggunakan aplikasi tanah liat yang pelbagai warna untuk memudahkan pemahaman mereka berkaitan penulisan suku kata terbuka

jawi ini. Saya menggunakan tanah liat yang pelbagai warna untuk menarik minat mereka melakukan aktiviti penulisan suku kata terbuka tersebut selain membezakan huruf vokal jawi dan konsonan. Jenis warna dan huruf yang telah dipilih adalah seperti dalam jadual 4. 2 berikut :

Jadual 4.2 : Jenis Huruf dan Warna.

Bil.	Jenis Huruf	Warna
1.	Alif(ا)	Hijau
2.	Wau (و)	Biru
3.	Ya (ي)	Kuning
4.	Konsonan	Kelabu

Sebelum penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut, peserta kajian sukar untuk menulis suku kata terbuka jawi dengan betul dan banyak melakukan kesalahan dalam penggunaan vokal jawi sama ada perlu menggunakan vokal jawi dalam suku kata tersebut atau tidak. Selain itu, mereka juga membuat kesalahan dalam penyambungan huruf vokal jawi walaupun lembaran kerja yang saya sediakan menggunakan tahap yang paling mudah. Namun demikian, masih terdapat peserta kajian yang melakukan kesalahan dalam menulis suku kata terbuka jawi tersebut. Dapatan kajian di bawah menunjukkan lembaran kerja yang ditulis oleh salah seorang peserta kajian saya.




Lembaran Kerja Peserta A.

Peserta A membuat kesalahan pada perkataan bahu dengan tidak menyambung huruf wau dengan huruf ha. Selain itu, peserta A juga membuat kesalahan pada perkataan bola dengan tidak meletakkan huruf alif pada huruf lam. Kesalahan juga berlaku pada perkataan gigi yang mana peserta A tidak menyambung huruf ya dengan huruf ga pada suku kata kedua perkataan gigi. Peserta A juga melakukan kesalahan pada perkataan sudu dengan tidak menyambung huruf wau dengan huruf sin dan kesalahan yang terakhir dilakukan oleh peserta A ialah pada perkataan guli dengan tidak menyambung huruf ya dengan huruf lam.

Setelah mengetahui murid-murid menghadapi masalah lemah dalam penulisan suku kata terbuka jawi, saya mencari satu jalan penyelesaian dengan menggunakan tanah liat pelbagai warna untuk membantu mereka supaya mereka lebih mudah faham dalam penulisan suku kata terbuka jawi tersebut. Gambar-gambar di bawah merupakan hasil penulisan peserta-peserta kajian menggunakan tanah liat pelbagai warna yang telah saya perkenalkan.



Setelah menggunakan tanah liat pelbagai warna tersebut di dalam penulisan suku kata terbuka jawi, peserta-peserta kajian menampakkan perubahan dari segi prestasi penulisan suku kata terbuka jawi tersebut. Mereka boleh menggunakan vokal jawi dengan baik dan menyambung huruf vokal jawi dengan konsonan dengan betul. Bagi menguji sama ada peserta kajian betul-betul faham tentang penulisan suku kata terbuka jawi tersebut, saya memberikan lembaran kerja yang sama kepada mereka sama seperti lembaran kerja sebelum saya menggunakan tanah liat pelbagai warna tersebut. Hasil dapatan kajian di bawah menunjukkan lembaran kerja yang telah dibuat oleh salah seorang peserta kajian.



Lembaran Kerja Peserta A.

Lembaran kerja di atas merupakan hasil ujian pasca yang telah saya lakukan terhadap peserta kajian berkaitan penulisan suku kata terbuka jawi. Hasil daripada ujian tersebut menampakkan bahawa peserta kajian telah berjaya menulis suku kata terbuka jawi dengan betul. Walaupun bentuk-bentuk huruf tidak sempurna, namun saya berpuas hati kerana mereka berjaya menggunakan vokal jawi dengan baik dan menyambung huruf vokal jawi dengan huruf konsonan dengan betul. Ini

bermakna penggunaan tanah liat pelbagai warna tersebut membantu mereka di dalam penulisan suku kata terbuka jawi.

Refleksi Penilaian Tindakan Kesan Terhadap Peserta Kajian

Penyelidikan tindakan telah membawa banyak kesan positif terhadap peserta-peserta kajian terutamanya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Setelah menjalankan kajian, hasil dapatan saya menunjukkan terdapat peningkatan prestasi peserta-peserta kajian bagi penggunaan vokal dalam menulis suku kata terbuka jawi. Setelah memperkenalkan penggunaan tanah liat berwarna sebagai alternatif untuk membantu peserta kajian dalam menyelesaikan masalah mereka, dapat saya perhatikan perubahan dari segi kefahaman mereka tentang penulisan suku kata terbuka. Peserta-peserta kajian lebih yakin untuk menjawab soalan yang diberikan oleh guru pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran sebagai latihan pengukuhan kepada mereka. Dengan penggunaan tanah liat berwarna ini, proses pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan selain meningkatkan prestasi akademik peserta kajian.

Bagi menguatkan dapatan kajian, peserta-peserta kajian ditemu bual oleh saya untuk mendapatkan respon mereka setelah saya menggunakan tanah liat berwarna ini di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas peserta kajian terhadap apa yang telah saya gunakan di dalam membantu mereka dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Kitwood (1977) dalam Mok Soon Sang (2008) merumuskan bahawa temubual merupakan satu pertemuan sosial bukan sahaja sesuatu bidang yang digunakan untuk pertukaran maklumat semata-mata tetapi juga satu pertemuan di antara penemuramah dan orang yang ditemuramah. Setelah menjalankan temu bual, saya dapat merumuskan bahawa semua peserta kajian berpuas hati terhadap penggunaan tanah liat berwarna yang telah saya gunakan kerana inovasi yang telah saya gunakan membantu mereka di dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Selain itu, semasa penggunaan tanah liat berwarna tersebut diaplikasikan peserta-peserta kajian kelihatan gembira dan seronok untuk menyelesaikan tugas yang telah saya berikan.

Selepas menjalankan penyelidikan tindakan ini, peserta-peserta kajian boleh menyelesaikan tugas secara individu tanpa meniru kerja daripada kawan. Sikap positif dapat saya perhatikan setelah penggunaan tanah liat berwarna tersebut dengan murid cuba berfikir untuk menyelesaikan tugas sendiri dan berjumpa dengan saya apabila menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan tugas tersebut.

Cadangan Tindakan Kitaran Seterusnya

Penyelidikan tindakan pertama ini saya hanya menggunakan soalan kajian yang mudah berkaitan suku kata terbuka jawi iaitu saya menggunakan dua suku kata sahaja dan dapat diformulakan sebagai KV+KV. Contohnya adalah seperti perkataan BO+LA = BOLA. Bagi penyelidikan tindakan yang seterusnya, saya akan menggunakan set soalan yang lebih sukar bagi menguji kefahaman murid dengan lebih mendalam berkaitan suku kata terbuka ini. Selain itu, untuk penyelidikan tindakan yang seterusnya saya akan menggunakan aplikasi tanah liat pelbagai

warna ini di sekolah yang lain bagi membantu murid yang menghadapi masalah lemah dalam menulis suku kata terbuka jawi di sekolah tersebut.

RUJUKAN

- Alaimmah Ali. (2008). Meningkatkan Kemahiran Penggunaan Huruf Besar dan Noktah bagi Murid 1 Kenanga (Intervensi) Menggunakan Teknik Pen Warna Merah, *Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai*.
- Hajjiah Hasan. (2008). Kaedah Mesra Warna dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima. *Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nornajidah Abdul Rahman. (2008). Panduan Pemilihan Kombinasi Warna bagi Reka bentuk Skrin dan Penggunaan Multimedia. *Jabatan Ilmu Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Rusli Ahmad (2011). *Conducting Research in Social Sciences, Humanities, Economics and Management Studies*. Kuching: RS GROUP Publishing House
- Zulina Ahmad Zawawi & Ramlah Mohd Dom. (2012, Julai). *Elemen Warna, Ruang Dan Irama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan Guru Pelatih Semester 5 IPG Kampus Pendidikan Islam*. Paper presented at the Persidangan Pendidikan Islam Kebangsaan 2012, Negeri Sembilan.